



## **KENYATAAN MEDIA**

### **PERASMIAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT (BBP) SEREMBAN**

**SEREMBAN, 8 MEI 2023** – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Majlis Perasmian Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Seremban, Negeri Sembilan pada pagi ini. BBP ini yang telah beroperasi sejak tahun 1960 merupakan balai ketiga tertua di Negeri Sembilan selepas BBP Bahau dan BBP Kuala Pilah.

Projek naik taraf BBP Seremban diluluskan kerajaan pada tahun 2020 dengan kos RM6.1 juta ringgit di atas tapak sedia ada berkeluasan hampir 1 ekar dan beroperasi semula pada 21 Februari 2023 yang menjadikan jumlah keseluruhan balai bomba di seluruh Negeri Sembilan sebanyak 20 buah dengan jangkakan sebuah lagi BBP dibina pada tahun ini iaitu BBP Palong 6.

YB KM berkata, lokasi BBP Seremban terletak di persimpangan lebuhraya utama di Negeri Sembilan antaranya Lebuhraya Kuala Lumpur - Seremban, Lebuhraya Kajang – Seremban (LEKAS) dan Lebuhraya Utara Selatan yang merupakan antara kawasan paling banyak dilalui kenderaan serta berisiko tinggi untuk berlaku kemalangan.

Justeru dengan pengoperasian bangunan baharu BBP Seremban ini dan kewujudan beberapa buah lagi balai berhampiran iaitu BBP Ampangan, Senawang serta Seremban 2 pastinya memberikan kelegaan kepada penduduk setempat dan menjadikan akses kepada perkhidmatan kebombaian lebih mudah, cepat, cekap juga berkesan.

### **'CEPAT DAN MESRA'**



**CERTIFIED TO ISO 9001:2015**  
**CERT. NO QMS 02101**

**CERTIFIED TO ISO 37001:2016**  
**CERT. NO ABMS 00216**

Dengan markah *Fire Cover* melebihi 50, iaitu dikategorikan sebagai kawasan yang Sangat Berisiko Tinggi, menjadikan balai ini satu-satunya Balai Bomba Kategori A beroperasi di negeri ini. Kawasan jagaan balai ini adalah seluas 18.6 hektar meliputi 5 buah mukim iaitu Mukim Seremban (kawasan bandar), Ampangan, Paroi, Rasah dan Pantai.

YB KM dalam majlis sama, turut mengumumkan bahawa peruntukan sebanyak RM2.95 juta telah diluluskan oleh KPKT untuk disalurkan kepada JBPM Negeri Sembilan bagi menyelenggara bangunan-bangunan JBPM termasuklah balai bomba serta kuarters bomba.

JBPM telah mengenal pasti sebanyak 69 buah balai bomba seluruh negara yang berusia melebihi 50 tahun dan perlu kepada penambahbaikan dan dinaik taraf iaitu 8 di Kedah, Pulau Pinang (7), Perak (11), Selangor (10), Negeri Sembilan (5), Melaka (1), Johor (11), Pahang (7), Terengganu (3) dan Sarawak (6).

Daripada jumlah itu, sebanyak 15 buah balai bomba telah selesai dinaik taraf, 2 buah balai sedang dalam kerja naik taraf dan 1 buah balai telah dimasukkan di dalam permohonan untuk dinaik taraf dalam Rolling Plan ke-4 (RP4) Tahun 2024. Selain itu, sebuah balai iaitu BBP Bintangor, Sarawak telah dibuat penggantian bangunan baharu.

YB KM pada masa sama turut menyeru rakyat Malaysia untuk bergiat lebih aktif membantu bomba dalam memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan dengan menyertai Pasukan Bomba Sukarela, Pasukan Bomba Komuniti dan Bomba Bantuan.

KPKT dan JBPM akan sentiasa mempertingkatkan lagi kempen-kempen kesedaran bagi memberi rangsangan kepada rakyat Malaysia bergiat lebih aktif dalam pasukan-pasukan tersebut sekaligus dapat membantu kementerian dan jabatan dalam menangani insiden kecemasan dan bencana.

Majlis turut dihadiri oleh YB Tuan Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan yang juga merupakan Ahli Parlimen Seremban dan YAS Dato' Abdul Wahab bin Hj. Mat Yasin, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Disediakan oleh:

Bahagian Pengurusan Korporat  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia  
8 MEI 2023